Universiti Teknologi MARA
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026



Akreditasi

Sesi Lawatan Penilaian Penuh
Pusat Verifikasi Kualiti (QVC)
UiTM Oleh MQA

Pengurusan Kualiti

Audit Surveillance 1 (SV1)
ISO 9001:2015

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan

eISSN 2976-2596
9772976259003

BENGKEL SIRI 1: PEMANTAPAN PENULISAN LAPORAN AUDIT BERTEMA BIDANG 5 (IQAF)

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya memulakan langkah proaktif dalam memantapkan kualiti dokumentasi universiti melalui penganjuran Bengkel Pengendalian Laporan Audit Bertema *Area 5* (IQAF) Siri 1 pada 2 Mac 2026.

Bengkel yang bertempat di Bilik Seminar InQKA ini merupakan siri pertama daripada empat siri yang dirancang bagi memastikan kelancaran aktiviti penulisan laporan IQAF bagi Bidang 5.

SINERGI PAKAR MERENTAS BIDANG

Bengkel ini telah diterajui oleh Profesor Dr. Chemah Tamby Chik (Ketua Penulis Area 5) dan dibantu oleh Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil (Ketua Sekretariat). Pasukan penulis ini terdiri daripada barisan pakar universiti yang membawa kepakaran dari pelbagai bahagian:

- Profesor Dr. Chemah Tamby Chik – Timbalan Dekan Akademik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.
- Profesor Dr. Azlina Idris – Pengarah, Bahagian Pembangunan Akademik.
- Profesor Madya Dr. Suriyani Ariffin – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum.
- Profesor Madya Dr. Jurina Jaafar – Ketua Pengurusan Dasar dan Maklumat Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa.
- Dr. Sharifah Aliman – Ketua Pengurusan Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa.
- Ts. Dr. Razulaimi Razali – Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA.
- Dr. Ani Saifuza Abd. Shukor – Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina.
- Ts. Linda Abd Hamid – Ketua Akreditasi Program S&S, InQKA.

PEMBENTANGAN DRAF PERTAMA & PENYERAGAMAN FORMAT

Fokus utama Siri 1 ini adalah pembentangan draf pertama hasil penulisan oleh setiap ahli jawatankuasa. Sesi ini dianggap kritikal kerana:

Mengenalpasti Isu: Membolehkan penulis membincangkan cabaran atau permasalahan dalam pencarian maklumat serta data yang diperlukan.

Penyeragaman Format: Memastikan gaya penulisan dan format laporan adalah konsisten bagi menghasilkan laporan yang berkualiti tinggi.

KOMITMEN TERHADAP GARIS MASA MQA

Di akhir bengkel, Ketua Sekretariat memberikan peringatan penting agar setiap penulis memainkan peranan aktif bagi memastikan laporan akhir dapat disiapkan tepat pada waktunya. Ini adalah selaras dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA), iaitu sebelum atau pada 30 April 2026.

Dengan berbaki tiga lagi siri bengkel yang akan datang, InQKA komited untuk memastikan proses penulisan ini berjalan lancar demi mengekalkan kecemerlangan jaminan kualiti akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Universiti Teknologi MARA | Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional | UiTM di hatiku | اوسها تقوى مولينا | @inqkauitm

eISSN 2976-2596